

Headline	<b>50 juta wanita Asia berisiko dijangkiti HIV</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>13 Aug 2009</b>	Page No	<b>L-22</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian</b>	Article Size	<b>57 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Global</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	PRValue	<b>684</b>
Frequency	<b>Daily</b>		
ADValue	<b>228</b>		



## **50 juta wanita Asia berisiko dijangkiti HIV**

BALI - Lebih 1.5 juta penghidap HIV wanita di Asia dipercayai dijangkiti virus itu melalui pasangan mereka dengan lebih 50 juta lagi berdepan risiko jangkitan.

Pendedahan terbaru itu disiarkan dalam laporan 'Jangkitan HIV dalam Hubungan Pasangan Intim di Asia' oleh UNAIDS kelmarin.

Menurut laporan itu, wanita akan menjadi mangsa utama HIV jika menjalinkan hubungan jangka panjang dengan lelaki yang mempunyai latar belakang hubungan seksual berisiko tinggi.

"Golongan lelaki itu adalah mereka yang melakukan hubungan seks sesama jantina, berkongsi jarum suntikan dan melanggan pelacur," kata pengarah UNAIDS serantau, Prasada Rao.

Beliau berkata, masalah besar akan mula berlaku dalam negara yang mengabaikan bahaya penyakit berkenaan dan pihak diminta memainkan peranan aktif untuk mencegah penularan virus bahaya itu.